

NC USIM terima anugerah tertinggi Universiti of Glasgow

SEREMBAN 25 Jun - Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, mencipta sejarah dalam bidang pendidikan tinggi negara selepas muncul ahli akademik pertama Malaysia menerima Honorary Degree Doctor of Science (DSc) daripada Universiti of Glasgow, Scotland baru-baru ini.

Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM dalam kenyataan di sini hari ini memaklumkan, pengiktirafan berkenaan disampaikan sendiri Canselor University of Glasgow, Prof. Sir Kenneth Calman sempena Commemoration Day universiti tersebut pada 12 Jun lalu.

Menurut kenyataan itu lagi, anugerah tersebut disampaikan atas pencapaian cemerlang Dr. Asma sebagai seorang saintis dan sumbangan beliau kepada masyarakat melalui kepakaran yang dimiliki dalam bidang mikrobiologi dan bioteknologi perubatan.

"Semasa Dr. Asma menjadi Pengarah di Institut Penyelidikan Perubatan Molekular (INFORMM), Universiti Sains Malaysia (USM), dedikasi dan komitmen beliau bersama rakan penyelidik lain berjaya menghasilkan beberapa kit diagnostik bagi menyelesaikan masalah berkaitan jangkitan dan penyakit tropika dengan kos yang rendah.

"Salah satu darinya adalah penghasilan kit yang dikenali sebagai TYPHIDOT bagi mengesan demam kepialu yang dipasarkan dengan meluas ke 18 buah negara terutamanya negara miskin dan negara membangun," demikian menurut kenyataan itu.

Tambahnya, kit itu memberi kesan besar kepada bidang sains, industri dan masyarakat dunia kerana dapat membantu lebih dua juta masyarakat di seluruh dunia dalam aspek penjagaan kesihatan.

Malah, jelas kenyataan itu, kit tersebut membuka lebih 500 peluang pekerjaan dengan penajaan ekonomi pasaran melebihi RM15 juta.

Kenyataan berkenaan turut menyebut, Dr. Asma diberi kepercayaan menganggotai pelbagai pertubuhan di peringkat nasional dan dunia antaranya sebagai Penasihat di Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk

vaksin dan penyakit berjangkit sejak 2002.

Dr. Asma juga merupakan ahli Third World Academy of Sciences (Twas) selain memecah tradisi sebagai wanita pertama dilantik ke jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di Universiti Sains Malaysia (2008-2012), Timbalan Presiden di Akademi Sains Negara (2012-2014) dan Naib Canselor di USIM (2012-2015).

"Beliau boleh disifatkan sebagai ikon wanita dan menjadi contoh ikutan terbaik kepada generasi muda kini kerana berjaya mempromosikan peranan rakyat Malaysia dalam perkembangan sains dan pendidikan tinggi di seluruh dunia dengan cemerlang," katanya.

Turut menerima anugerah sama ialah Presiden Public Health Foundation India, Prof. Srinath Reddy, Pengarah Wellcome Trust, United Kingdom, Prof. Mark Waiprot.



ASMA ISMAIL